

### **BORANG PERMOHONAN KONTRAK TAKAFUL EMPUNYA RUMAH / ISI RUMAH**

*Etiqa General Takaful Berhad ("Etiqa General Takaful") adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan am di Malaysia dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).*

**ARAHAN:** Sebelum anda memberi jawapan dan pengakuan di dalam Borang Permohonan ini, sila baca NOTIS PENTING berikut.

**NOTIS PENTING:**

1. Dalam Borang Permohonan ini, perkataan " Saya/ Kami", atau "anda", bermaksud Pemohon melainkan arahan-arahan bahagian menunjukkan sebaliknya.
2. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
3. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan, anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
4. Sila dapatkan penerangan daripada ejen sekiranya anda tidak memahami apa-apa terma dan syarat, yang berkaitan dengan manfaat-manfaat yang ditawarkan dan kewajipan anda di bawah kontrak takaful.
5. Sila maklumkan kepada ejen atau kami mengenai sebarang perubahan alamat surat-menyurat, atau lain-lain butiran. Jika anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline dengan menghubungi 1300 13 8888 atau +603 2297 3888, atau menulis ke Etiqa General Takaful Berhad (201701025031), Aras 13, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili ke +603 2297 3800, atau e-mel di info@etiqua.com.my.
6. Jika anda mempunyai aduan, pertikaian atau maklum balas berkaitan permohonan ini, sila hubungi Unit Aduan kami melalui e-mel di complaint\_cmu@etiqua.com.my, dengan menghubungi 1300 13 8888 jika dari Malaysia atau +603 2780 4500 jika dari luar negara, melalui faksimili ke +603 2297 1919, atau secara pos ke Unit Pengurusan Aduan, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.
7. Jika anda tidak berpuas hati dengan cara pengendalian kami, anda boleh merujuk kepada Bank Negara Malaysia melalui e-mel di bnmlink@bnm.gov.my, dengan menghubungi 1300 88 5465, melalui faksimili ke +603 2174 1515, atau secara pos kepada Pengarah, Jabatan LINK & Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Jika anda mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh kami, anda boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan melalui e-mel di enquiry@ofs.org.my, melalui faksimili ke +603 2272 1577 atau secara pos kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
8. Sila isi borang ini dengan huruf besar, menggunakan dakwat hitam atau tandakan salah satu pilihan, yang mana berkenaan.

**ARAHAN:** Sila jawab semua soalan di dalam Bahagian A.

<b>A. MAKLUMAT INDIVIDU</b>											
Garelan	<input type="checkbox"/> Encik	<input type="checkbox"/> Datuk Seri	<input type="checkbox"/> Datuk	<input type="checkbox"/> Dato'	<input type="checkbox"/> Tan Sri	<input type="checkbox"/> Tun	<input type="checkbox"/> Lain-lain				
	<input type="checkbox"/> Puan	<input type="checkbox"/> Datin Seri	<input type="checkbox"/> Datin	<input type="checkbox"/> Dr	<input type="checkbox"/> Puan Sri	<input type="checkbox"/> Toh Puan					
*Nama <i>(Seperti di dalam Kad Pengenalan/Pasport)</i>											
*Tarikh Lahir <i>(hh/bb/tttt)</i>	<input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/>				Jantina	<input type="checkbox"/> Lelaki	<input type="checkbox"/> Perempuan				
*Jenis Pengenalan	<input type="checkbox"/> Kad Pengenalan Baru		<input type="checkbox"/> Kad Pengenalan Lama		<input type="checkbox"/> Lain-lain						
*Nombor Kad Pengenalan											
*Kewarganegaraan	<input type="checkbox"/> Malaysia		<input type="checkbox"/> Lain-lain _____								
*Taraf Perkahwinan	<input type="checkbox"/> Bujang		<input type="checkbox"/> Berkahwin		<input type="checkbox"/> Lain-lain						
*Pekerjaan	<input type="checkbox"/> Pengurus/Eksekutif Kanan		<input type="checkbox"/> Pesara		<input type="checkbox"/> Bekerja sendiri	<input type="checkbox"/> Surirumah	<input type="checkbox"/> Pelajar				
	<input type="checkbox"/> Pegawai/Eksekutif		<input type="checkbox"/> Pemilik perniagaan		<input type="checkbox"/> Pekerja mahir	<input type="checkbox"/> Guru/Pensyarah	<input type="checkbox"/> Kerani				
	<input type="checkbox"/> Lain-lain _____										
*Jenis Pekerjaan Sendiri											
*Alamat Surat Menyurat											
	Bandar/Daerah				Poskod						
Negeri					Negara						
*Butiran Perhubungan	Telefon Bimbit			Rumah			Pejabat				
Alamat E-mel											

\* Ruangan wajib untuk dilengkapkan

**ARAHAN: Untuk permohonan syarikat atau entiti, sila lengkapkan Bahagian B.**

**B. BUTIRAN SYARIKAT ATAU ENTITI**

Nama Syarikat				
Jenis Perniagaan				
Nombor Pendaftaran Syarikat		Tarikh Pendaftaran Syarikat (hh/bb/tttt)	/ / / / /	
Orang untuk dihubungi				
Alamat Syarikat				
	Bandar/Daerah		Poskod	
Negeri				Negara
Butiran Perhubungan	Nombor Telefon		Nombor Faksimile	
Alamat E-mel				

**ARAHAN: Sila berikan butir-butir bangunan di Bahagian C.**

**C. BUTIRAN RISIKO TAKAFUL**

1. Tempoh Takaful (hh/bb/ttt)	Dari / / / / / Hingga / / / / /					
2. Lokasi						
	Bandar/Daerah		Poskod			
Negeri				Negara		
3. Gadaijanji	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak				
Nama Bank/Majikan						
4. Jenis bangunan	<input type="checkbox"/> Kondominium	<input type="checkbox"/> Apartmen	<input type="checkbox"/> Flat	<input type="checkbox"/> Teres	<input type="checkbox"/> Lain-lain	
	<input type="checkbox"/> Rumah Berkembar	<input type="checkbox"/> Townhouse	<input type="checkbox"/> Studio	<input type="checkbox"/> Banglo	_____	
5. Binaan premis	Dinding	<input type="checkbox"/> Bata	<input type="checkbox"/> Konkrit	<input type="checkbox"/> Kayu	<input type="checkbox"/> Lain-lain _____	
	Bumbung	<input type="checkbox"/> Konkrit	<input type="checkbox"/> Genting	<input type="checkbox"/> Zink	<input type="checkbox"/> Lain-lain _____	
	Lantai	<input type="checkbox"/> Konkrit tetulang	<input type="checkbox"/> Kayu	<input type="checkbox"/> Lain-lain _____		
6. Bilangan tingkat harta tanah	<input type="checkbox"/> 1 tingkat	<input type="checkbox"/> 1 ½ tingkat	<input type="checkbox"/> 2 tingkat	<input type="checkbox"/> 2 ½ tingkat	<input type="checkbox"/> 3 tingkat	<input type="checkbox"/> Lebih dari 3 tingkat
7. Tahun pembinaan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>		Pendawaian dilakukan dalam tempoh 10 tahun yang lepas			<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
8. Jenis-jenis perlindungan tambahan yang diperlukan berserta dengan Tambahan Sumbangan	<p>Tandakan (v) jika perlindungan tambahan diperlukan.</p> <p>Rusuhan, mogok dan kerosakan niat jahat untuk perlindungan Bangunan atau Isi Kandungan</p> <p>Kerosakan tidak sengaja kepada kepingan kaca untuk perlindungan Bangunan sahaja</p> <p>Takaful Sewa di bawah manfaat tambahan E Sijil ini yang melebihi 10% daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Bangunan atau Isi Kandungan</p> <p>Perlindungan tambahan berikut adalah tertakluk kepada penilaian kami selanjutnya:</p> <p>Kecurian sepenuhnya untuk perlindungan Isi Kandungan sahaja</p> <p>Penenggelaman dan Gelinciran Tanah di bawah perlindungan Bangunan atau Isi Kandungan</p>					

9. Bangunan luar	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak					
Binaan bangunan luar	Dinding Bumbung	<input type="checkbox"/> Bata <input type="checkbox"/> Konkrit	<input type="checkbox"/> Konkrit <input type="checkbox"/> Genting	<input type="checkbox"/> Kayu <input type="checkbox"/> Zink	<input type="checkbox"/> Lain-lain _____ <input type="checkbox"/> Lain-lain _____	
10. Jenis kediaman		<input type="checkbox"/> Diduduki sendiri	<input type="checkbox"/> Disewakan	<input type="checkbox"/> Sebagai rumah percutian	<input type="checkbox"/> Tidak berpenghuni	<input type="checkbox"/> Lain-lain _____
11. Butiran apa-apa profesion, perniagaan atau perdagangan yang dijalankan di dalam bangunan atau di mana-mana bahagian bangunan.						
12. Bangunan akan ditinggalkan tidak berpenghuni secara berterusan untuk lebih dari 90 hari dari Tempoh Takaful	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak					
13. Langkah keselamatan	Semua pintu luar dan tingkap mempunyai kunci dan berkunci				<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
	Semua tingkap luar bergril sehingga 3 tingkat				<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
	Semua akses luar dipasang dengan CCTV				<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
	Alat penggera dan CCTV (jika ada) disambung dengan perkhidmatan respons 24 jam				<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
	Pengawal keselamatan tetap				<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
14. Butiran mengenai apa-apa tuntutan yang pernah anda buat, atau kerugian yang anda alami dalam tempoh dua tahun lepas, yang berkaitan dengan bangunan dan/atau isi kandungan. Sila sertakan lokasi bangunan dan/atau isi kandungan jika berlainan dari bangunan yang dilindungi dan/atau isi kandungan yang di atas, sifat dan punca tuntutan, tarikh tuntutan dan amaun yang dituntut						

#### D. BUTIRAN JUMLAH PERLINDUNGAN RISIKO TAKAFUL

Bangunan

Adakah takaful diperlukan untuk bangunan sebagaimana butiran yang telah diberi dalam Bahagian C, termasuk nilai bangunan, tanah, lekapan dan kelengkapan, pintu pagar dan pagar.

Jika takaful diperlukan untuk bangunan tersebut dalam permohonan ini, sila nyatakan jumlah yang ingin dilindungi (RM) \_\_\_\_\_

## Isi Kandungan

Adakah takaful diperlukan untuk isi kandungan rumah, barangang peribadi, lekapan dan kelengkapan milik persendirian pemohon, atau lekapan dan kelengkapan yang mana pemohon adalah bertanggungjawab secara undang-undang untuk setiap deskripsi di lokasi bangunan yang diperlukan dalam Bahagian C, berkenaan dengan pemohon, mana-mana anggota keluarga dan kakitangan domestik yang biasa tinggal bersama pemohon.

Ya  Tidak

Jika takaful diperlukan untuk kandungan itu dari permohonan ini, sila nyatakan jumlah yang ingin dilindungi (RM) \_\_\_\_\_ berkenaan dengan barang-barang, barang peribadi, lekapan dan kelengkapan.

Nyatakan di bawah mana-mana barang yang mempunyai nilai lebih besar daripada 5% daripada jumlah yang ingin dilindungi untuk isi kandungan rumah, kecuali perabot, piano, organ, perkakas rumah dan set televisyen:

No	Deskripsi barang	Jumlah yang dilindungi untuk setiap barang (RM)
Jumlah dilindungi ke atas isi kandungan rumah		

**ARAHAN:** Sila berikan butiran akaun bank anda, untuk tujuan pengkreditan bayaran balik sumbangan atau tuntutan, jika ada.

**E. MAKLUMAT AKAUN BANK UNTUK PENGKREDITAN SEBARANG PEMULANGAN WANG ATAU BAYARAN TUNTUTAN**

Nama Bank		
Jenis Akaun	<input type="checkbox"/> Simpanan	<input type="checkbox"/> Semasa
Nombor Akaun	<input type="checkbox"/>	
Nama Pemegang Akaun		

**ARAHAN:** Sila berikan butiran akaun Maybank atau butiran kad kredit untuk pembayaran sumbangan. Sila pilih satu (1) pilihan sahaja.

**F. KAE DAH BAYARAN**

Saya/ Kami ingin membayar sumbangan RM  Tarikh bayaran   /   /

Dengan:  Tunai

Cek (Sila palangkan cek dan dibayar kepada 'Etiqa General Takaful Berhad')

Bank	Nombor Cek	Tarikh Cek	Jumlah (RM)

Kad Kredit

Nama Pemegang Kad

Visa

Kad Master

Nombor Kad Kredit

Tarikh Tamat Tempoh   /   (bb/tt)

**ARAHAN:** Sila sahkan persetujuan anda ke atas pengakuan yang berikut dengan menandatangani di bawah ini. Semua pengakuan adalah wajib kecuali item 16, di mana anda haruslah memilih bersetuju (Ya) atau tidak bersetuju (Tidak).

**G. PENGAKUAN**

1. Saya/ Kami telah membaca dan memahami segala isi kandungan dari permohonan ini, termasuk segala notis darinya.
2. Saya/ Kami faham bahawa penyertaan dalam perlindungan tambahan (seperti yang dinyatakan dalam Bahagian C, soalan 8) adalah tidak wajib dan di atas budi bicara Saya/ Kami.
3. Saya/ Kami faham dan bersetuju bahawa kontrak takaful yang dipohon hanya akan berkuatkuasa pada tarikh kontrak takaful dikeluarkan oleh Etiqa General Takaful. Saya/ Kami faham bahawa kontrak takaful hanya akan dikeluarkan setelah penilaian oleh Etiqa General Takaful, dengan syarat sumbangan penuh awal telah diterima oleh Etiqa General Takaful. Saya/ Kami faham jika sumbangan awal dibayar melalui cek, kontrak takaful hanya akan bermula selepas cek telah dijelaskan.
4. Saya/ Kami faham kegagalan menjawab soalan atau pengakuan, atau menjawab dengan salah soalan atau pengakuan, ia mungkin akan menyebabkan kontrak takaful Saya/ Kami dibatalkan, tuntutan tidak dibayar, atau kadar-kadar dan terma-terma kontrak takaful Saya/ Kami diubah.
5. Saya/ Kami faham bahawa kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful Saya/ Kami dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Etiqa General Takaful.
6. Saya/ Kami faham bahawa Saya/ Kami mempunyai kewajipan untuk memberitahu Etiqa General Takaful serta-merta bahawa kontrak takaful ini telah dibuat, diubah atau diperbaharui, sama ada apa-apa maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah tidak tepat atau telah berubah.
7. Saya/ Kami mengaku bahawa egen telah menjelaskan dengan sepenuhnya kepada Saya/ Kami tentang syarat-syarat dan terma-terma kontrak takaful ini dengan menggunakan bahasa yang Saya/ Kami fahami dan telah pun menunjukkan kepada Saya/ Kami helaian pendedahan produk ini.
8. Saya/ Kami bersetuju bahawa apa-apa pembayaran dari Etiqa General Takaful kepada butiran akaun yang telah diberikan oleh Saya/ Kami dalam Bahagian E dari Borang Permohonan ini, akan dianggap sebagai bayaran penuh dan Etiqa General Takaful akan dilepaskan dan dibebaskan sepenuhnya dari liabiliti selanjutnya dan permintaan berhubung dengan pembayaran. Saya/ Kami mengesahkan bahawa butiran akaun bank dari Bahagian E adalah aktif dan diselenggarakan di Malaysia.
9. Saya/ Kami faham bahawa permohonan ini adalah berkenaan dengan bangunan dan/atau isi kandungan rumah yang diduduki untuk tujuan kediaman atau kediaman dan pejabat domestik. Tiada pembuatan atau deposit atau menyimpan barang dagangan yang dibenarkan di mana-mana bahagian bangunan ini.
10. Saya/ Kami mengesahkan bahawa jumlah yang dilindungi yang diperuntukkan dalam Bahagian D adalah tidak kurang daripada nilai pasaran semasa bagi bangunan dan/atau isi kandungan rumah.
11. Saya/ Kami faham bahawa nilai platinum, emas, barang-barang perak, barang kemas dan bulu binatang yang seharusnya dibayar di bawah sijil ini adalah dihadkan kepada satu pertiga (1/3) daripada Keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Kandungan.
12. Saya/ Kami faham kontrak takaful ini tidak melindungi harta yang dilindungi atau kecuali dinyatakan secara khusus di Bahagian D: Surat Ikatan Bon Bil Pertukaran, Nota Janji, Cek, Jaminan untuk Wang, Setem, sebarang bentuk Dokumen, Wang Tunai, Mata Wang Kertas, Nota Bank, Manuskrip, Medal dan Duit Syiling, Kenderaan Bermotor dan Aksesori.
13. Saya/ Kami faham semua sumbangan akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.
14. Saya/ Kami faham bahawa Sijil ini adalah terbatal secara automatik melainkan sumbangan penuh dibayar kepada Etiqa General Takaful dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan.

15. Saya/ Kami bersetuju untuk menyertai skim Takaful Am ini berdasarkan prinsip Takaful. Saya/ Kami bersetuju dengan konsep Tabarru' (derma) untuk tujuan saling menyokong peserta lain dan dengan pembayaran sumbangan ini, Saya/ Kami berhak menerima perlindungan Takaful mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam Sijil Takaful. Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada peserta adalah dibayar daripada Dana Takaful Am (Dana) berdasarkan konsep Tabarru'.

Produk ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana Saya/ Kami bersetuju untuk melantik Etiqa General Takaful untuk bertindak bagi pihak Saya/Kami untuk melabur dan menguruskan Dana. Dana adalah dimiliki secara kolektif oleh para peserta di mana bahagian Tabarru' bagi sumbangan ini dimasukkan bagi tujuan Takaful. Oleh itu, Saya/ Kami bersetuju membayar Fi Wakalah (seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Pendedahan Produk) kepada Etiqa General Takaful, sebagai potongan daripada sumbangan, untuk menampung perbelanjaan melabur dan menguruskan Dana.

Saya/ Kami juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada Etiqa General Takaful untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga yang dianggap layak oleh Etiqa General Takaful bagi tujuan mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana, dengan syarat, Etiqa General Takaful akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap Saya/ Kami.

Saya/ Kami faham bahawa pada akhir setiap tahun kewangan, lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) dari Dana Takaful Am akan ditentukan oleh Etiqa General Takaful dan hanya akan dibayar bagi Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Etiqa General Takaful. Saya/ Kami bersetuju bahawa 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) akan dibayar kepada Etiqa General Takaful kerana mengendali dan menguruskan Dana berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran) dan baki 50% akan dikongsi dalam kalangan peserta yang mana sijilnya masih belum tamat serta belum membuat sebarang tuntutan dalam tempoh tahun kewangan tersebut.

Saya/ Kami selanjutnya bersetuju bahawa jika lebihan atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar kurang dari Ringgit Malaysia Sepulu (RM10.00), ia akan secara automatik dikreditkan ke dalam tabung kebajikan, yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak peserta. Tabung tersebut akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami untuk tujuan kebajikan.

#### Definisi:

**"Tabarru"** bermaksud sumbangan, derma, atau hadiah. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

**"Ju'alah"** ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Pengendali Takaful (Etiqa General Takaful) yang dipersetujui terlebih dahulu oleh peserta dan Pengendali Takaful bagi pengurusan Dana yang baik.

**"Wakalah"** adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia bermaksud peserta telah melantik Etiqa General Takaful untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihaknya.

#### 16. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Saya/ Kami bersetuju untuk membenarkan Etiqa General Takaful untuk memproses data peribadi Saya/ Kami, termasuk data peribadi sensitif, bagi tujuan mengikat kontrak Takaful, dengan mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Saya/ Kami memahami dan bersetuju bahawa mana-mana data peribadi yang dikumpul atau dimiliki oleh Etiqa General Takaful, sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi selepasnya, boleh dimiliki, diguna, diproses dan didedahkan oleh Etiqa General Takaful kepada individu atau organisasi yang berkaitan dan mempunyai hubungan dengan Etiqa General Takaful atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (dalam atau luar Malaysia, termasuk institusi perubatan, syarikat retakaful, adjuster tuntutan, penyiasat tuntutan, peguam, persatuan industri, pengawal selia, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa kerajaan), bagi tujuan memproses permohonan ini, menyediakan perkhidmatan secara berterusan yang berkaitan dengannya dan untuk berkomunikasi dengan Saya/ Kami bagi tujuan tersebut.

Saya/ Kami faham bahawa Saya/ Kami berhak memperoleh akses kepada, dan memohon sebarang pembetulan data peribadi yang dipegang oleh Etiqa General Takaful berkaitan dengan Saya/ Kami. Saya/ Kami faham bahawa permohonan tersebut boleh dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan Akses yang boleh didapati di semua cawangan Etiqa General Takaful atau hubungi Etiqa General Takaful melalui e-mel di PDPA@etiqa.com.my. Saya/ Kami faham bahawa mengikut peruntukan PDPA, Saya/ Kami boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di Etiqa Online di 1300 13 8888 untuk data peribadi Saya/ Kami. Maklumat tersebut hanya diberikan selepas pengesahan.

Saya/ Kami bersetuju dan membenarkan Etiqa General Takaful untuk berkongsi Data Peribadi Saya/ Kami dengan Kumpulan Maybank, dan pihak ketiga yang terpilih, yang Etiqa General Takaful rasakan patut, dan Saya/ Kami akan menerima komunikasi pemasaran dari Etiqa General Takaful atau daripada entiti lain mengenai produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik kepada Saya/ Kami.

Ya       Tidak

Tandatangan Pemohon/Cop Syarikat

Tarikh

#### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Ibu Pejabat/Nama Cawangan		Kod Saluran Perniagaan	
Saluran		Nama Saluran Perniagaan	

Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur

T +603 2297 3888 F +603 2297 3800 E info@etiqa.com.my

[www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)

Etiqa Online 1300 13 8888

